# Anak angkat -PM: Berita dari Pakistan tidak dapat disahkan

KUALA LUMPUR 14 Sept. – Kedutaan Pakistan tidak dapat mengesahkan atau menafikan laporan agensi berita luar negeri yang menyebut bahawa Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil anak angkat dari negaranya.

Jurucakap kedutaan itu ketika dihubungi pagi ini berkata, sehingga hari ini pihaknya masih tidak menerima sebarang maklumat berhubung dengan perkara itu.

Akhbar - akhbar tempatan telah menyiarkan laporan agensi berita UPI semalam bahawa seorang bayi lelaki Pakistan yang ditemui di sebuah kawasan perkuburan telah diserahkan kepada isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Pakistan untuk diterbangkan ke Malaysia.

Laporan itu juga berkata, Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir ada membayangkan hasratnya untuk mengambil anak angkat dari negara itu semasa melawat Pakistan beberapa bulan lalu.

Bagaimanapun, Utusan difahamkan soal itu tidak pernah dibangkitkan semasa Datuk Sri Dr. Mahathir melawat Pakistan..